

# Rundingan tahunan Malaysia, Brunei muktamad isu bersama

BH-26/1/2023 mlb: 2

PM harap Kerajaan Perpaduan sentiasa teroka kerjasama strategik

**Bandar Seri Begawan:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berharap Rundingan Tahunan Pemimpin (ALC) Malaysia-Brunei pada tahun ini akan dapat memuktamadkan beberapa perkara yang menjadi kepentingan bersama.

Ia termasuk kerjasama dalam bidang ke sukuan dan belia, kehakiman syariah serta pendidikan yang sedang giat dibincangkan oleh kedua-dua pihak.

“Pada tahun ini, Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi ALC ke-24 di Kuala Lumpur. Ia wadah utama bagi kedua-dua pemimpin negara membincangkan isu berkepentingan bersama dan ia sewajarnya diteruskan,” katanya pada Majlis Santapan Rasmi sempena lawatan rasmi beliau ke Brunei di Istana Nurul Iman di sini, semalam.

Santapan rasmi itu dihoskan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah. Raja Isteri Pengiran Anak Saleha turut berkenan berangkat ke majlis itu yang juga dihadiri isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Perdana Menteri berkata, selain komitmen untuk memelihara kerjasama sedia ada, Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan beliau akan sentiasa meneroka kerjasama strategik baharu dengan Brunei.

“Antara lainnya, patik amat



Sultan Hassanal Bolkiah berkenan mendengar ucapan Anwar pada Majlis Santapan Rasmi di Istana Nurul Iman di Bandar Seri Begawan, semalam. Turut berangkat, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Dr Wan Azizah. (Foto BERNAMA)

mengalukan hasrat dan tawaran daripada Brunei untuk melabur di dalam pelbagai sektor ekonomi berpotensi tinggi di Malaysia, termasuklah oleh Brunei Investment Agency (BIA),” kata beliau.

## Perkukuh kerjasama

Anwar menzahirkan rasa gembira kerana lawatan beliau dan delegasi pada kali ini akan membuah hasil yang pastinya membawa manfaat bersama kepada kedua-dua negara.

“Patik yakin lawatan ini akan disusuli oleh usaha berterusan oleh kedua-dua pihak untuk memperkukuhkan lagi kerjasama erat sedia ada,” katanya di petik BERNAMA.

Perdana Menteri juga berterima kasih kepada kerajaan Brunei di atas segala bantuan dan

layanan baik diberikan kepada kira-kira 25,000 rakyat Malaysia yang menetap di negara ini.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada kerajaan Brunei yang memutuskan untuk membuka sepenuhnya sempadan negara itu bermula 1 Ogos 2022 dan membantu menyegerakan pemulihan pasca pandemik COVID-19.

“Dengan pembukaan sempadan ini, Malaysia turut gembira menerima kembali pengunjung dari Brunei yang meningkat ketara bermula Ogos tahun lalu.

“Begitu juga, bilangan pelajar dari negara ini yang melanjutkan pengajian tinggi di Malaysia menunjukkan peningkatan begitu positif selepas penurunan ketara ekor penutupan sempadan kedua-dua negara bermula pada 2020,” katanya.

Kunjungan ini adalah lawatan rasmi ke luar negara yang kedua beliau selepas dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10 pada November tahun lalu.

Bercakap pada sidang media pada akhir lawatan, Anwar yakin persahabatan peribadinya dengan Sultan Hassanal Bolkiah akan mempercepatkan momentum pelaksanaan perancangan bersama kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata, pertalian ibarat kekeluargaan itu menjadikan hubungan dua hala Malaysia-Brunei lebih istimewa dengan manfaatnya turut membabitkan Sabah dan Sarawak.

“Sepanjang saya dalam kesudahan, Tuanku sering lahirkan keprihatinan baginda dan saya hargai persahabatan ini,” katanya.

Terdahulu, beliau menghadap Sultan Brunei di Istana Darul

Iman dan mengadakan pertemuan empat mata yang berlangsung kira-kira satu jam.

Mengulas pertemuan empat mata mereka, Anwar berkata, Sultan Hassanal Bolkiah banyak memberi penegasan terhadap isu bersama seperti persempadanan yang harus dipesatkan.

“Keduanya ialah aspek pelaburan, termasuk pembabitkan BIA, selain menyegerakan isu berkaitan cari gali minyak membabitkan Petronas dan dilakukan bersama secara *Joint Development Authority* (JDA),” katanya,

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mempertimbangkan peruntukan tambahan dalam melancarkan lalu lintas pelancaran, pergerakan tiga negara (Malaysia, Indonesia dan Brunei) serta insentif kerajaan Sarawak dalam meneruskan jalan darat.